

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 5 TAHUN 1975

SYARAT-SYARAT PEMBERIAN MILIK TANAH KEPADA LEMBAGA LETRIK NEGARA

Tanah mengenai perkara yang di atas dan memaklumkan bahawa mengikut penyiasatan secara kasarnya ada terdapat dalam Negeri Kelantan ini tanah-tanah yang terletak hak (vested) kepada Lembaga Letrik Negara menurut kuasa-kuasa Seksyen 29, Ordinan Letrik, 1949. Tanah-tanah itu terletak dalam beberapa jajahan dan jumlah keluasannya adalah lebih kurang 12 $\frac{3}{4}$ ekar.

2. Pada masa ini tanah-tanah itu sedang diduduki dan digunakan oleh pihak Lembaga Letrik sama ada sebagai Stesyen Janaletrik, Pencawang Letrik Pejabat, Setor, Switch Tower, Tapak Rumah Kediaman dan sebagainya. Sebahagian kecil daripada tanah-tanah itu telah diwartakan sebagai tanah Rizab di bawah Bab 19 (I) Undang-undang Tanah Kelantan, 1983.

3. M.M.K yang bersidang pada 14.8.1975, selepas menimbang Kertas Bil:15/483/75 (5) bagaimana kandungan (50) dalam fail PTG. Kn. 3873 telah bersetuju pada dasarnya, tanah-tanah yang telah sedia diduduki dan digunakan oleh L.L.N bagaimana yang dinyatakan di perenggan 2 di atas, diberi milik kepada L.L.N dengan cara Geran (sama ada dengan Geran Negeri atau Geran Mukim yakni tidak dengan cara Pajakan) dengan terkena kepada bayaran dan syarat-syarat biasa bagaimana yang di bawah ini:-

- a) Jenis Hakmilik : Geran Negeri/Geran Mukim.
- b) Jenis Kegunaan Tanah : PERUSAHAAN

- c) Premium : Sebagai yang dikenakan kepada Kerajaan Persekutuan. Sebolehnya dikecualikan daripada apa-apa bayaran sebagaimana yang diberi oleh Kerajaan Selangor untuk mencapai kesamaannya.
- d) Hasil Tahunan : Kadar yang sama seperti yang dikenakan kepada Kerajaan Persekutuan.
- e) Lain-lain Bayaran : Mengikut Peraturan Tanah
- f) Upah Ukur : Mengikut kadar yang terjadual.
- g) **Syarat Nyata** :

Tanah yang terkandung dalam Hakmilik ini tidak ada sekatan tentang kegunaannya selama ianya dimiliki oleh L.L.N.

- h) **Sekatan Kepentingan** :

Tanah ini tidak boleh digadai, diberi pajak atau dipindahmilik melainkan dengan kebenaran M.M.K.

4. Pihak L.L.N akan membuat permohonan seperti biasa untuk memiliki tiap-tiap keping/lot tanah yang berkenaan dan Pemungut Hasil Tanah hendaklah memproses

permohonan-permohonan itu bagaimana lazim dan kemudiannya mengangkat fail-fail yang berkenaan itu untuk timbangan dan kelulusan M.M.K bagi tiap-tiap satu kes. Bagi tanah-tanah yang telah diwartakan sebagai tanah Rizab untuk kegunaan L.L.N dan jika pihak L.L.N berkehendakkan supaya tanah-tanah itu diberi milik kepadanya, maka tindakan di bawah Sesyen 64 perlulah diambil terlebih dahulu sebelum soal pemberian milik tanah itu diproseskan.

t.t
(Mohd Tajol Aros bin Ahmad)
Pengarah Tanah dan Galian
Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN, KOTA BHARU.**

PTG. Kn.3873/(54)

BERTARIKH: 2HB DISEMBER 1975.

KEPADA:

Semua Pemungut Hasil Tanah, Kelantan.

SALINAN KEPADA:

YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan, Kota Bharu.

Semua Pegawai-pegawai Jajahan, Kelantan